

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

1.0 Nama Peraturan

Peraturan ini dinamakan Peraturan Akademik Pascasiswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

2.0 Takrif

Di dalam Peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain;

“Bermastautin” ertinya pelajar dikehendaki berada di dalam kawasan kampus dalam jangka masa tertentu dan/atau mengikuti apa-apa program yang ditentukan oleh pihak Universiti

“Calon Pelajar” ertinya calon yang ditawarkan untuk mengikuti mana-mana program tetapi belum membuat pendaftaran program;

“CPA” (Cumulative Point Average) ertinya Purata Himpunan Mata Nilai yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti;

“Disertasi” merujuk kepada dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh pelajar ijazah sarjana secara mod campuran sahaja.

“Fakulti” ertinya mana-mana Fakulti di dalam Universiti termasuk Pusat Pengajian;

“GPA” (Grade Point Average) ertinya Purata Mata Nilai Gred yang diperolehi dalam sesuatu semester;

“Hadir Sahaja” ertinya status pendaftaran mana-mana kursus yang diambil bukan untuk mendapatkan kredit dan tidak diberikan sebarang gred ke atasnya. Ia dicatat dalam transkrip sebagai Hadir Sahaja (HS).

“HWUK” ertinya Hadir Wajib Ulang Kursus.

“Hadir Wajib” ertinya status pendaftaran mana-mana kursus yang akan dinilai sebagai Hadir Lulus (HL) sekiranya lulus atau Hadir Gagal (HG) sekiranya gagal dan diberikan status HWUK sekiranya mengulang daftar kursus tersebut;

“IELTS” ertinya International English Language Test System.

“Ijazah” ertinya penganugerahan yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang memenuhi syarat Program Diploma Lulusan Ijazah atau Sarjana atau Doktor Falsafah atau yang setaraf dengannya;

“Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF)” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di fakulti untuk merancang dan mengawalselia program pengajian siswazah di peringkat fakulti;

“Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah (JAPS)” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di Pusat Pengajian Siswazah sebagai jawatankuasa di peringkat Universiti untuk menyelaras dan menguruskan hal ehwal akademik serta peperiksaan pengajian siswazah;

“Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JKPS)” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti untuk memperakukan dan melaporkan hal ehwal akademik serta peperiksaan pengajian siswazah ke Senat;

“Kedudukan Baik Tamat Program” (KBTP) ertinya pelajar yang telah cukup bilangan kredit lulus tetapi tidak memenuhi syarat bergraduan.

“Kerja Kursus” ertinya kaedah pelaksanaan sesuatu program pengajian siswazah yang memerlukan pelajar mengikuti kuliah dan/atau menjalani latihan akademik yang berbentuk tugas, kertas projek dan seumpamanya;

“Kredit Dapat” ertinya kredit yang diperolehi bagi kursus yang lulus;

“Kredit Kira” ertinya kredit yang diambilkira dalam pengiraan GPA dan CPA;

“Kursus Pengukuhan” ertinya kursus yang diambil untuk memperkukuhkan pengetahuan/kemahiran berkaitan sesuatu bidang.

“Mod Campuran” ertinya program yang menggabungkan kerja kursus dan penyelidikan.

“Mod Pengajian” ertinya pelaksanaan program secara sepenuh masa atau separuh masa

“MUET” ertinya Malaysian University English Test.

“Panel Pemeriksa” ertinya panel yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) ahli tidak termasuk seorang pengerusi. Panel ini dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan kelulusan Senat untuk menilai tesis dan

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

melaksanakan peperiksaan lisan. Pengerusi peperiksaan lisan adalah Dekan Pusat Pengajian Siswazah atau sesiapa yang diberi kuasa oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah.

"Panel Penilai" ertinya panel yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) ahli termasuk seorang pengerusi yang dilantik oleh Fakulti/Pusat masing-masing menilai disertasi (mod campuran)/projek sarjana (kerja kursus) pelajar.

"Pelajar" ertinya seseorang yang telah didaftar untuk mengikuti program pengajian siswazah di Universiti ini;

"Pemeriksa Dalam" ertinya staf akademik Universiti yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan kelulusan Senat untuk menilai tesis dan peperiksaan seseorang pelajar Program Sarjana Penyelidikan dan Doktor Falsafah;

"Pemeriksa Luar" ertinya seseorang dari luar Universiti yang dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan kelulusan Senat untuk menilai tesis dan peperiksaan seseorang pelajar Program Sarjana Penyelidikan dan Doktor Falsafah;

"Penyelia" ertinya Penyelia Utama dalam kalangan staf akademik universiti yang berstatus aktif dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah atas cadangan fakulti untuk menyelia penyelidikan dan tesis pelajar. Pelajar pengajian siswazah perlu diselia oleh seorang staf siswazah;

"Penyelia Bersama" ertinya seseorang yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia Utama untuk menyelia penyelidikan dan tesis pelajar. Beliau boleh dilantik dari dalam atau luar fakulti atau luar Universiti;

"Peperiksaan" ertinya sebarang bentuk penilaian untuk mengukur pencapaian akademik pelajar;

"Peperiksaan Khas" ertinya peperiksaan yang dilaksanakan kepada pelajar yang tidak hadir peperiksaan akhir atas sebab-sebab munasabah yang diterima oleh Universiti.

"Peperiksaan Kelayakan" ertinya mana-mana ujian atau peperiksaan yang ditentukan oleh fakulti untuk menilai kelayakan atau tahap pencapaian akademik pelajar yang mengikuti program pengajian siswazah;

"Penilaian Naiktaraf Tahap Pengajian (PNTP)" ertinya penilaian secara menyeluruh untuk menilai pencapaian akademik dan keupayaan pelajar sarjana penyelidikan yang akan melayakkannya untuk dinaiktaraf tahap pengajian ke program Doktor Falsafah

"Peperiksaan Lisan (viva voce)" ertinya satu sesi penilaian di mana pelajar dikehendaki membenteng dan mempertahankan tesis kepada Panel Pemeriksa.

"Plagiat" ertinya menggunakan idea, perkataan, diagram, rajah, jadual, carta, gambar dan apa sahaja hasil kerja orang lain tanpa dinukilkan (*cite*) sumber tersebut.

"Program" ertinya program pengajian siswazah iaitu Diploma Lepas Ijazah atau Sarjana atau Doktor Falsafah atau yang setaraf dengannya dalam bidang- bidang tertentu;

"Pusat Pengajian Siswazah" ertinya bahagian yang ditubuhkan oleh Universiti untuk mengurus, mentadbir, merekod dan menyelaras pengendalian program pengajian siswazah;

"Semester Lazim" ertinya Semester I dan Semester II yang diamalkan di Universiti ini dan tidak termasuk Semester III.

"Senat" ertinya Senat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia;

"Staf Akademik" ertinya kakitangan akademik atau tenaga pengajar yang bertugas secara sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak

"Staf Siswazah" ertinya seseorang dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah atau yang setaraf dengannya atau sekurang-kurangnya Profesor Madya dengan kelayakan Ijazah Sarjana.

"Tambah baik (TB)" ertinya kursus yang mendapat gred B yang diambil semula dengan tujuan memperbaiki CGPA / GPA dan CPA.

"Tempoh lazim" ertinya tempoh minimum pengajian

"Tesis" ertinya hasil penulisan ilmiah yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat kelulusan program pengajian siswazah;

"TOEFL" ertinya Test of English as a Foreign Language.

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

“Universiti” ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

“Ulang Kursus (UK)” ertinya status yang diberikan kepada kursus yang diulang oleh pelajar kerana gagal.

3.0 Syarat Kelayakan Masuk

3.1 Program Sarjana

3.1.1 Program Sarjana Secara Kerja Kursus

3.1.1.1 Ijazah sarjana muda dengan CPA minimum yang ditetapkan dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; ATAU

3.1.1.2 Ijazah sarjana muda dengan CPA minimum yang ditetapkan dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; ATAU

3.1.1.3 Seseorang calon yang mempunyai kelayakan lebih rendah daripada yang dinyatakan di atas, boleh diberi pertimbangan jika calon dapat membuktikan mempunyai latarbelakang akademik yang mencukupi dan pengalaman kerja yang sesuai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti; DAN

3.1.1.4 Syarat lain yang ditentukan oleh Universiti

3.1.2 Program Sarjana secara Mod Campuran

3.1.2.1 Ijazah Sarjana Muda dengan CPA minimum yang ditetapkan dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; ATAU

3.1.2.2 Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda dengan pengalaman dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Senat; ATAU

3.1.2.3 Seseorang calon yang mempunyai kelayakan lebih rendah boleh diberi pertimbangan jika dapat membuktikan latarbelakang akademik yang mencukupi dan pengalaman kerja yang sesuai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti; DAN

3.1.2.4 Lain-lain syarat yang ditentukan oleh Universiti

3.1.3 Program Sarjana secara penyelidikan

3.1.3.1 Ijazah Sarjana Muda dengan CPA minimum yang ditetapkan dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; ATAU

3.1.3.2 Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda dengan pengalaman dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Senat; ATAU

3.1.3.3 Seseorang calon lebih rendah daripada yang dinyatakan di atas, boleh diberi pertimbangan jika calon dapat membuktikan mempunyai latarbelakang yang mencukupi dan pengalaman kerja yang sesuai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti; DAN

3.1.3.4 Syarat lain yang ditentukan oleh Universiti

3.2 Program Doktor Falsafah

3.2.1 Ijazah Sarjana dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; ATAU

3.2.2 Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat; ATAU

3.2.3 Lain-lain syarat yang ditentukan oleh Universiti

3.2.4 Pelajar dengan Ijazah Sarjana Muda CPA 3.67 dan ke atas dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau dari mana-mana institusi pengajian pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat boleh memohon terus ke Pengajian Ijazah Kedoktoran (PhD).

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

3.3 Syarat Kelayakan Bahasa Inggeris

3.3.1 Calon pelajar luar negara perlu mempunyai kelayakan minimum bahasa Inggeris iaitu TOEFL 500 markah atau IELTS tahap 5.0 atau MUET band 3.0 atau setara.

3.3.2 Pemohon antarabangsa yang memenuhi kelayakan akademik daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan yang diiktiraf oleh Senat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia juga boleh dipertimbangkan pengecualian syarat kelayakan masuk Bahasa Inggeris.

3.3.3 Pemohon antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kelayakan minimum Bahasa Inggeris tetapi bergraduan daripada universiti dari English Speaking Countries juga boleh dipertimbangkan pengecualian syarat kelayakan masuk Bahasa Inggeris. Senarai English Speaking Countries adalah seperti di Jadual V.

4.0 Kesetaraan Mata Nilai CPA

a) Formula pengiraan kesetaraan peratusan gred ke mata nilai CPA.

$$= \frac{\text{peratusan gred}}{100} \times 4.0$$

$$\text{Contoh} = 75\% \times 4.0 \\ = 3.0 \text{ (CPA)}$$

b) Formula pengiraan kesetaraan mata nilai CPA ke peratusan gred.

$$= \frac{\text{mata nilai}}{4.0} \times 100$$

$$\text{Contoh} = \frac{3.0}{4.0} \times 100 \\ = 75\%$$

c) Formula pengiraan kesetaraan mata nilai CPA melebihi 4.0 kepada maksima 4.0

$$\text{Contoh} = \text{CPA adalah } 6.0 \\ \frac{6.0}{10.0} \times 4.0 = 2.40$$

* maklumat CPA maksima hendaklah dinyatakan dalam transkrip pelajar

d) Formula pengiraan kesetaraan mata nilai CPA bagi sistem akademik tidak menggunakan CPA tetapi menggunakan markah

Contoh markah adalah 1500 di perolehi daripada jumlah penuh iaitu 2000

$$\frac{1500}{2000} \times 4.0 = 3.00$$

e) Formula pengiraan kesetaraan mata nilai CPA bagi sistem akademik yang menggunakan kelas sahaja iaitu Kelas Pertama, Kelas Kedua Tinggi dan Kelas Kedua Rendah

Penentuan kesetaraan:

Kelas Pertama = CPA 3.70 hingga 4.00

Kelas Kedua Tertinggi = CPA 3.00 hingga 3.69

Kelas Kedua Rendah = CPA 2.30 hingga 2.99

* CPA ditentukan adalah yang tertinggi bagi setiap kelas yang disertakan mengikut CPA program Sarjana Muda UTHM

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

- f) Formula pengiraan kesetaraan mata nilai CPA bagi sistem akademik menggunakan kelas dalam Bahasa Arab :
- i. **Mumtaz** adalah bermaksud **Cemerlang**
 - ii. **Jayid Jiddan** adalah bermaksud **Sangat Baik**
 - iii. **Jayyid** adalah bermaksud **Baik**
 - iv. **Makbul** adalah bermaksud **Lulus**

Penentuan kesetaraan:

Mumtaz adalah bersamaan	:	Kelas Pertama iaitu CPA 3.70 hingga 4.00
Jayyid Jiddan adalah bersamaan	:	Kelas Kedua Tinggi iaitu CPA 3.00 hingga 3.69
Jayid adalah bersamaan	:	Kelas Kedua Rendah iaitu CPA 2.30 hingga 2.99
Makbul adalah bersamaan	:	Kelas Ketiga iaitu CPA 2.00 hingga 2.29

**CPA ditentukan adalah yang tertinggi bagi setiap kelas yang disertakan mengikut CPA program sarjana muda Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

5.0 Pendaftaran Program

- 5.1 Calon pelajar **wajib** mendaftar program pengajian dan memenuhi syarat -syarat yang dinyatakan dalam surat tawaran
- 5.2 Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pendaftaran pengajiannya **tidak lebih dari satu (1) semester** tertakluk kepada kelulusan Pusat Pengajian Siswazah
- 5.3 Sekiranya calon pelajar gagal mendaftar pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti, maka tawaran program terhadapnya adalah terbatal.

6.0 Bentuk Pendaftaran Program dan Tempoh Pengajian

- 6.1 Pelajar boleh memilih untuk mengikuti program secara sepenuh masa atau separuh masa tertakluk kepada program yang ditawarkan oleh Fakulti, kecuali pelajar antarabangsa
- 6.2 Pelajar sepenuh masa atau separuh masa hendaklah menamatkan pengajiannya dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Jadual I.
- 6.3 Pelajar yang mengikuti program secara separuh masa mestilah memenuhi syarat bermastautin. Tempoh bermastautin yang ditetapkan adalah seperti di Jadual I.
- 6.4 Tempoh minimum sebenar untuk sesuatu program boleh ditetapkan oleh fakulti dengan kelulusan Senat dengan syarat tidak kurang daripada tempoh minimum yang dinyatakan di Jadual I
- 6.5 Bagi pelajar secara penyelidikan samada (sarjana atau doktor falsafah) yang berpindah ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia perlu mendapat kelulusan bertulis mengenai kebenaran perpindahan penyelidikannya dari institusi pengajian tinggi berkenaan. Tempoh minimum pengajian akan ditetapkan oleh Senat
- 6.6 Program secara penyelidikan atau mod campuran yang telah menyerahkan tesis atau disertasi untuk peperiksaan lisan (viva voce), perlu mematuhi apa-apa keputusan atau arahan panel pemeriksa iaitu Pemeriksa Tesis dan Panel Peperiksaan Lisan.
- 6.7 Jika pelajar tidak menyiapkan pembetulan dalam jangka masa yang ditetapkan tanpa sebarang sebab yang munasabah, pelajar akan diperakukan sebagai Kedudukan Gagal (KG).

7.0 Pertukaran Program Pengajian dan Bentuk Pendaftaran

7.1 Pertukaran Program Pengajian

- 7.1.1 Pelajar yang berhasrat untuk menukar program pengajian dalam Fakulti atau menukar program pengajian antara Fakulti boleh memohon dengan mengisi borang permohonan pertukaran program melalui perakuan Fakulti dan dimajukan ke Pusat Pengajian Siswazah.
- 7.1.2 Permohonan menukar program pengajian boleh dibuat **sekali** sahaja sepanjang tempoh pengajian, tertakluk kepada kelulusan Fakulti-Fakulti berkenaan.

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

7.2 Pertukaran Mod Pengajian

Pelajar boleh memohon untuk menukar mod pengajian daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya melalui perakuan Fakulti ke Pusat Pengajian Siswazah. Pertukaran mod pengajian boleh dibuat **sekali** sahaja dalam tempoh pengajian.

7.3 Pengiraan baki tempoh pengajian untuk permohonan yang diluluskan adalah mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Universiti

8.0 Pertukaran Status Pendaftaran dari Sarjana ke Doktor Falsafah (Naik Taraf)

8.1 Pelajar Sarjana secara penyelidikan yang kelayakan masuk di peringkat sarjana muda adalah dengan CPA 3.50 dan ke atas dibenarkan memohon pertukaran ke peringkat doktor falsafah jika telah berjaya membuktikan kecemerlangan penyelidikan dan diperakui oleh panel penilai. Permohonan perlu dibuat selepas semester pertama pengajian sarjana secara penelidikannya dan tidak melebihi semester kedua pengajiannya.

8.2 Tempoh pengajian akademik yang telah dijalani di peringkat peringkat sarjana akan diambilkira dalam tempoh lazim pengajian peringkat doktor falsafah

9.0 Jenis Pengajian

9.1 Pelajar boleh memilih salah satu daripada jenis pengajian di bawah, tertakluk kepada jenis pengajian yang ditawarkan oleh Fakulti:-

9.1.1 Kerja kursus sahaja; atau

9.1.2 Mod campuran; atau

9.1.3 Penyelidikan sahaja.

10.0 Pendaftaran Kursus

10.1 Pelajar diwajibkan mendaftar setiap kursus yang diambil pada tiap-tiap semester dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti bagi tempoh maksimum tujuh (7) hari bekerja.

10.2 Pelajar juga diwajibkan mendaftar kursus pengukuhan yang telah ditetapkan oleh Fakulti dengan status Hadir Sahaja (HS) atau Hadir Wajib (HW).

10.3 Pendaftaran Berdenda:

Sebarang permohonan pendaftaran kursus lewat daripada tempoh yang ditetapkan, tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dikenakan denda. Denda adalah pada kadar tetap RM50 /kursus dan tambahan RM5 bagi setiap hari yang lewat, tertakluk kepada jumlah maksimum RM500/kursus/pelajar bagi tempoh maksimum tujuh (7) hari bekerja.

10.4 Pendaftaran Lewat Berdenda:

Permohonan melewati tempoh pendaftaran berdenda tanpa sebab-sebab munasabah yang boleh diterima akan dikenakan denda dengan kadar RM100 bagi satu kursus tertakluk kepada bayaran maksimum RM500.

10.5 Pelajar hendaklah mendaftar setiap semester sepanjang pengajian mengikut syarat-syarat dan tarikh yang ditetapkan oleh Universiti sehingga keputusan peperiksaan akhir diumumkan.

10.6 Jika sekiranya pelajar tidak membuat pendaftaran kursus dalam tempoh tersebut tanpa sebab-sebab munasabah yang diterima Universiti, pelajar akan diberhentikan daripada pengajian.

11.0 Pembetulan Pendaftaran Kursus

11.1 Pelajar bertanggungjawab membetulkan sebarang kesilapan yang terdapat dalam slip pendaftaran kursus mengikut tempoh dan jadual kerja yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah sebelum ATAU pada minggu ke-4 semester berkenaan.

11.2 Kesilapan yang tidak dibetulkan akan mengakibatkan pelajar

11.2.1 tidak dibenarkan mengikuti kuliah kursus sebenarnya ; dan

11.2.2 segala penilaian kursus berkenaan tidak akan diambilkira dan diberikan markah 0 (gred E).

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

- 11.3 Pelajar boleh menambah dan menggugurkan kursus sebelum ATAU pada minggu ke-9 semester berkenaan.
- 11.4 Sebarang permohonan pembetulan lewat daripada tempoh yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dikenakan denda. Kadar denda ialah RM50 bagi setiap kursus tertakluk kepada maksimum RM500

12.0 Tarik Diri Kursus (TD)

- 12.1 Pelajar dengan persetujuan Penyelia boleh memohon untuk Tarik Diri (TD) mana-mana kursus yang telah didaftarkan. TD mengikut tempoh dan jadual kerja yang ditetapkan Pusat Pengajian Siswazah mulai minggu ke-3 hingga minggu ke-7 pada semester yang berkenaan. Status TD akan dicatatkan dalam slip pendaftaran kursus dan transkrip. Setiap kursus yang berstatus TD akan dicatatkan sebagai Bawa Hadapan (BH) dalam slip keputusan peperiksaan kecuali kursus elektif.
- 12.2 Kebenaran untuk pelajar TD daripada mengikuti sesuatu kursus adalah tertakluk kepada jumlah kredit minimum yang ditetapkan.
- 12.3 Sebarang permohonan TD lewat daripada tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dikenakan denda. Kadar denda ialah RM50 bagi setiap kursus tertakluk kepada maksimum RM500.

13.0 Ulang Kursus (UK)

- 13.1 Kursus / kursus elektif yang gagal mesti diulangi sehingga lulus. Bagi tujuan pengiraan GPA dan CGPA, kredit dan mata nilai terakhir kursus yang diulang akan diambilkira dan kredit serta mata nilai yang asal akan dimansuhkan.

14.0 Kehadiran

- 14.1 Pelajar mesti hadir **tidak kurang dari lapan puluh peratus (80%)** daripada masa pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus berbentuk kuliah/amali termasuk kursus Hadir Wajib (HW).
- 14.2 Sekiranya pelajar tidak memenuhi peratus kehadiran sebagaimana dinyatakan di perkara 14.1 bagi mana-mana kursus tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti, pelajar tidak dibenarkan menduduki sebarang peperiksaan selanjutnya dan diberi markah 0 (Gred E) bagi kursus yang berkenaan atau Hadir Gagal (HG) bagi kursus Hadir Wajib (HW).

15.0 Beban Akademik

- 15.1 Jumlah kredit kursus yang dibenarkan untuk diikuti pada satu-satu semester ialah **enam (6)** hingga **lapan belas (18)** kredit bagi pelajar sepenuh masa dan **tiga (3)** hingga **dua belas (12)** kredit bagi pelajar separuh masa tidak termasuk kredit untuk penyelidikan.
- 15.2 Pendaftaran kursus dengan beban kredit antara 19-21 kredit hanya dibenarkan atas kelulusan Dekan Fakulti

Minimum kredit bagi satu semester

Jenis Pengajian	Minimum Kredit	Maksimum Kredit	Tertakluk kepada Kelulusan Dekan Fakulti
Sepenuh Masa	6	18	19-21
Separuh Masa	3	12	

- 15.3 Bagi semester pengajian terakhir, di mana pelajar sudah tidak mempunyai baki tempoh pengajian lagi, Pusat Pengajian Siswazah melalui kelulusan Senat boleh membenarkan **pengecualian** kepada had-had minimum tersebut

16.0 Pengecualian Kredit

- 16.1 Pelajar, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF), boleh memohon untuk mendapatkan pengecualian kredit, sekiranya telah lulus kursus yang difikirkan setara dari mana-mana institusi. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

- 16.2 Pelajar boleh memohon pengecualian kredit dalam semester pertama pengajian dengan mengemukakan dokumen yang berkaitan. Hanya kursus yang setaraf dengan kursus di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan lulus sekurang-kurangnya setara gred B dan ke atas sahaja boleh dipertimbangkan
- 16.3 Pengecualian kredit akan diambil kira dalam Kredit Dapat sahaja
- 16.4 Pelajar yang memohon pengecualian kredit tertakluk kepada tempoh minimum bagi menamatkan pengajian di samping memenuhi syarat bermastautin bagi yang berkenaan.
- 16.5 Sebarang perubahan tempoh mengenai jumlah maksimum kredit dan tempoh minimum pengajian yang berbeza daripada yang dinyatakan di atas perlu mendapat kelulusan Senat Universiti

17.0 Perpindahan Kredit

- 17.1 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan perpindahan kredit, sekiranya telah lulus kursus yang disahkan setara dari mana-mana institusi dan ia perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- 17.2 Pelajar boleh memohon perpindahan kredit dalam semester pertama pengajian dengan mengemukakan dokumen berkaitan. Hanya kursus yang setaraf dengan kursus di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan lulus sekurang-kurangnya setara gred B sahaja boleh dipertimbangkan.
- 17.3 Jumlah perpindahan kredit **tidak diambil kira** dalam Kredit Kira
- 17.4 Pusat Pengajian Siswazah akan menetapkan tempoh pengajian bagi pelajar yang mendapat perpindahan kredit tertakluk kepada tempoh minimum pengajian.
- 17.5 Pelajar yang memohon perpindahan kredit ini adalah tertakluk kepada tempoh minimum bagi menamatkan pengajian di samping memenuhi syarat bermastautin
- 17.6 Sebarang perubahan tempoh mengenai jumlah maksimum kredit dan tempoh minimum pengajian yang berbeza daripada yang dinyatakan di atas perlu mendapat kelulusan Senat Universiti.

18.0 Tesis/Disertasi Dan Harta Intelekt

- 18.1 Peraturan mengenai penyediaan tesis hendaklah mengikut Panduan Penulisan Tesis, Disertasi dan Laporan Projek, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 18.2 Pelajar yang mengikuti program pengajian siswazah hendaklah menyerahkan naskah tesis/disertasi pada akhir tempoh program pengajiannya mengikut ketetapan berikut:
- i 1 Salinan kepada Pusat Pengajian Siswazah (*Soft Copy*);
 - ii 1 Salinan kepada Penyelia (*Hard & Soft Copy*);
 - iii 1 Salinan kepada Penyelia Bersama (Jika ada) (*Hard & Soft Copy*);
 - iv 1 Salinan kepada Fakulti (*Hard & Soft Copy*); dan
 - v 1 Salinan kepada Perpustakaan (*Hard & Soft Copy*).
- 18.3 Pelajar hendaklah menyerahkan tesis yang merupakan hasil penulisan ilmiah yang asli serta tidak pernah dikemukakan ke mana-mana Universiti. Sumber yang dirujuk bagi penulisan tesis sama ada sumber itu telah diterbitkan atau tidak hendaklah dinyatakan di dalam tesis.
- 18.4 Pelajar boleh menerbitkan hasil penulisan ilmiahnya dalam tempoh pengajian dengan persetujuan Penyelia dan penerbitan tersebut hendaklah mengandungi penghargaan yang sepatutnya diberikan kepada Universiti.
- 18.5 Penulisan ilmiah yang terikat dengan perjanjian dengan pihak luar perlu mendapatkan kebenaran pihak yang berkenaan untuk diterbitkan.
- 18.6 Sesuatu tesis Doktor Falsafah hendaklah tidak melebihi 300 muka surat. Tesis Sarjana hendaklah tidak melebihi 200 muka surat. Jumlah muka surat tidak termasuk lampiran, jadual dan gambar rajah. Walau bagaimanapun kebenaran menulis tesis melebihi had panjang yang telah ditetapkan boleh diperolehi dengan memohon kepada Pusat Pengajian Siswazah **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** sebelum mengemukakan tesis untuk diperiksa.
- 18.7 Bahasa Penulisan
- 18.7.1 Laporan projek, disertasi atau tesis boleh ditulis samada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 18.7.2 Abstrak bagi tesis/disertasi yang ditulis dalam Bahasa Melayu hendaklah ditulis dalam dwi bahasa

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

(Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris).

18.7.3 Penulisan Tesis selain daripada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah tertakluk kepada kelulusan Senat.

18.8 Pelajar yang mengikuti jenis pengajian secara penyelidikan yang akan menyerahkan tesis hendaklah

18.8.1 Mengemukakan Borang Pencalonan Pemeriksa kepada Penyelia **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** sebelum jangkaan serahan tesis.

18.8.2 Mengemukakan tesis bersama Borang Serahan Tesis melalui perakuan Fakulti kepada Pusat Pengajian Siswazah.

18.9 Tesis boleh diterbitkan setelah mendapat kebenaran Universiti.

18.10 Harta Intelek yang dihasilkan dalam tempoh pengajian adalah tertakluk kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Intellectual Property Policy 2011 and Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Student Intellectual Property Policy (Supplementary 2014).

19.0 Penyeliaan

19.1 Pelantikan Penyelia, dan/atau Penyelia Bersama bagi pelajar perlu mematuhi Panduan Kriteria Penyelia Utama dan Penyelia Bersama Bagi Pelajar Siswazah secara Penyelidikan dan syarat-syarat yang berkuatkuasa.

19.2 Pelantikan dan pertukaran Penyelia hendaklah dibuat seperti berikut:

19.2.1 Program secara penyelidikan, pelantikan dan pertukaran dibuat oleh Pusat Pengajian Siswazah dengan pencalonan dan perakuan oleh Fakulti.

19.2.2 Program secara kerja kursus dan mod campuran, pelantikan dan pertukaran dibuat oleh Fakulti.

19.3 Pelajar boleh memohon melalui Fakulti dan diperakukan kepada Pusat Pengajian Siswazah berkenaan pertukaran mana-mana Penyelia dan Penyelia Bersama yang telah dilantik. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah **tidak lewat dari dua (2) semester** selepas pelantikan Penyelia atau penyelia-penyelia tersebut.

19.4 Sebarang hubungan kekeluargaan, termasuk hubungan suami isteri, yang terjalin di antara Penyelia dan pelajar secara automatik membatalkan kedudukan seseorang Penyelia itu.

19.5 Pelajar dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan mengikut format dan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah kepada Penyelia.

19.6 Penyelia hendaklah melengkapkan dan membuat penilaian laporan kemajuan Penyelidikan pelajar dan menyerahkan kepada Fakulti dalam tempoh dan jadual kerja yang ditetapkan oleh Pusat Pengajian Siswazah.

19.7 Pelajar yang lewat mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan akan dikenakan denda. Kadar bayaran denda tetap sebanyak RM 50 dan tambahan denda lewat atas kadar RM 5 bagi setiap hari lewat (tertakluk maksimum RM 500)

20.0 Penilaian

20.1 Penilaian yang boleh diadakan adalah seperti berikut:-

- i Peperiksaan kursus (program secara kerja kursus dan mod campuran);
- ii Penilaian disertasi atau tesis
- iii Peperiksaan lisan (viva voce)
- iv Penilaian lain yang berkaitan

20.2. Penilaian bagi pelajar Program Sarjana secara Kerja Kursus hendaklah mengandungi:-

- i. Peperiksaan bagi kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester
- ii Penilaian disertasi
- iii Pembentangan disertasi mengikut keperluan Fakulti

20.3 Penilaian bagi pelajar Program Sarjana secara Mod Campuran hendaklah mengandungi:-

- i. Peperiksaan bagi kursus yang diikuti pada tiap-tiap semester;
- ii. Penilaian disertasi;
- iii Peperiksaan lisan bagi mempertahankan disertasi mengikut keperluan Fakulti

20.4 Penilaian bagi pelajar Program Sarjana secara Penyelidikan:-

- i Penilaian tesis oleh Panel Pemeriksa; dan/atau
- ii Peperiksaan lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Panel Pemeriksa.
- lii Peperiksaan lisan (viva voce) dipengerusikan oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah. Penurunan kuasa boleh dibuat kepada Staf Akademik yang berkecualan.

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

- iv Peperiksaan lisan untuk mempertahankan tesis jika diadakan, hendaklah tidak melebihi dua (2) kali bagi seseorang pelajar.

20.5 Penilaian bagi pelajar program doktor falsafah atau setaraf hendaklah mengandungi:

- 20.5.1 Penilaian tesis oleh Panel Pemeriksa; dan/atau
- 20.5.2 Peperiksaan lisan bagi mempertahankan tesis di hadapan Panel Pemeriksa.
- 20.5.3 Peperiksaan lisan (*viva voce*) dipengerusikan oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah. Penurunan kuasa boleh dibuat kepada Staf Akademik yang berkelayakan.
- 20.5.4 Peperiksaan lisan untuk mempertahankan tesis jika diadakan, hendaklah tidak melebihi dua (2) kali bagi seseorang pelajar.

20.6 Rayuan Semakan Keputusan Peperiksaan

20.6.1 Rayuan Semakan Keputusan Peperiksaan Kursus untuk Pengajian secara Kerja Kursus dan Mod Campuran

Rayuan markah peperiksaan kursus bagi pengajian tersebut hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh tujuh hari (7) selepas dari tarikh keputusan dikeluarkan (Senarai Tampil) oleh pihak Fakulti dengan bayaran sebanyak RM50 bagi satu kursus.

Rayuan Semakan Keputusan Peperiksaan Lisan Untuk Pengajian Secara Penyelidikan

20.6.2 Rayuan keputusan pemeriksaan tesis dan peperiksaan lisan bagi pengajian tersebut hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Pusat Pengajian Siswazah melalui Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti dalam tempoh empat belas hari (14) selepas dari tarikh keputusan viva diumumkan. Proses rayuan perlu mengikut Prosedur dan Peraturan yang berkuatkuasa

20.7 Penilaian Naiktaraf Tahap Pengajian (PNTP)

20.7.1 Pelajar program sarjana secara penyelidikan yang kelayakan masuk di peringkat sarjana muda adalah dengan CPA 3.50 dan ke atas dan telah memenuhi tempoh pengajian yang ditetapkan, boleh memohon untuk PNTP dengan perakuan penyelia.

20.7.2 PNTP akan dikendalikan oleh Panel Penilaian peringkat Fakulti yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang anggota (panel luar, panel dalam dan pengerusi) yang dilantik oleh Fakulti berdasarkan kepada kepakaran mereka.

20.7.3 Perakuan PNTP yang dimajukan oleh Fakulti kepada Pusat Pengajian Siswazah hendaklah dilampirkan bersama-sama Borang Penilaian Pertama dan Borang Laporan Kemajuan Penyelidikan.

20.7.4 Keputusan PNTP perlu mendapatkan kelulusan Senat. Hanya pelajar yang lulus akan diberikan penukaran tahap pengajian ke peringkat Doktor Falsafah.

20.7.5 Pelajar yang tidak diperakukan dalam PNTP akan meneruskan pengajian peringkat sarjana

21.0 Panel Pemeriksa

21.1 Panel Pemeriksa adalah dilantik oleh Pusat Pengajian Siswazah bagi menilai tesis dan melaksanakan peperiksaan lisan. Keahliannya terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang Pemeriksa Dalam dan seorang Pemeriksa Luar.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dari Buku Panduan Pelaksanaan Pemeriksaan Tesis dan Peperiksaan Lisan Pelajar Program Pengajian Siswazah bagi Program Secara Penyelidikan.

21.2 Panel Pemeriksa mencadangkan keputusan peperiksaan lisan kepada JKPS seperti berikut:

- 21.2.1 Pelajar dianugerahkan ijazah berkenaan, jika mencapai tahap yang memuaskan; atau
- 21.2.2 Pelajar disyaratkan membuat pembetulan sebelum dianugerahkan ijazah berkenaan; atau
- 21.2.3 Pelajar disyaratkan supaya meneruskan penyelidikannya dan menjalani peperiksaan lisan sekali lagi; atau
- 21.2.4 Pelajar tidak diluluskan untuk ijazah doktor falsafah tetapi dibenarkan untuk menghantar tesis pindaan untuk penganugerahan ijazah sarjana; atau
- 21.2.5 Sekiranya pencapaian pelajar tidak memenuhi tahap minimum ijazah berkenaan, keputusan gagal akan diberikan.

21.3 Laporan keputusan penilaian/peperiksaan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah dengan menggunakan borang yang ditetapkan.

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

22.0 Sistem Gred

22.1 Kaitan antara markah, gred, mata nilai dan taraf pencapaian bagi kerja kursus adalah seperti dalam Jadual II.

22.2 Kedudukan akademik bagi pelajar kerja kursus adalah seperti di dalam Jadual III (a).

22.3 Sistem pemarkahan untuk laporan kemajuan bagi pelajar penyelidikan adalah seperti di dalam Jadual III (b)

22.4 Selain daripada gred di atas, gred kursus berikut juga boleh digunakan seperti Jadual di bawah:

Gred	Status	Catatan
HL	Hadir Lulus	Kursus Hadir Wajib (HW)
HG	Hadir Gagal	
TD	Tarik Diri Kursus	Umum
TS	Tidak Selesai	
MM	Memuaskan	Penyelidikan
KM	Kurang Memuaskan	
TM	Tidak Memuaskan	

22.5 Gred Tidak Selesai (TS)

22.5.1 Gred Tidak Selesai (TS) diberikan kepada pelajar yang tidak dapat mengambil peperiksaan akhir atau tidak dapat menyiapkan kerja kursus sesuatu kursus kerana disahkan sakit; atau atas sebab-sebab munasabah yang diterima oleh Pusat Pengajian Siswazah; atau masih dalam tindakan pengurusan.

22.5.2 Manakala pelajar secara Penyelidikan/Mod Campuran yang berada dalam tempoh pembetulan tesis/disertasi, status TS akan diberikan sehingga pelajar mendapat keputusan Senat. (Tertakluk kepada maksimum dua (2) semester).

22.5.3 Status akademik pada semester berkenaan adalah dicatatkan sebagai Tidak Selesai (TS).

22.6 Gred Tambah Baik (TB)

22.6.1 Pelajar boleh memohon untuk membaiki gred kursus disepanjang tempoh pengajian dengan syarat-syarat berikut:

22.6.1.1 Kursus berkenaan mendapat gred B dan ke atas sahaja

22.6.1.2 Membaiki gred setiap kursus hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

22.6.1.3 Gred tertinggi akan diambil kira dalam pengiraan CPA/GPA dengan gred terendah kursus berkenaan tidak diambilkira (dimansuhkan)

22.6.1.4 Kursus tambah baik yang dipohon ditawarkan oleh fakulti

22.6.1.5 Tempoh pengajian tidak melebihi tempoh maksimum pengajian

22.6.1.6 Pelajar hendaklah menggunakan borang yang telah ditetapkan dan tertakluk kepada kelulusan Fakulti.

22.6.1.7 Pelajar hendaklah membuat pembayaran yuran pendaftaran kursus untuk membaiki pencapaian akademik sebagaimana tatacara pembayaran yuran pendaftaran kursus yang ditetapkan mengikut pekeliling semasa yang berkuatkuasa.

22.7 Kredit Lulus Program

22.7.1 Pelajar mesti lulus dalam semua kursus yang disyaratkan untuk sesuatu program pengajiannya

22.7.2 Jumlah kredit minimum untuk lulus dan menyelesaikan sesuatu program adalah seperti dalam Jadual IV.

23.0 Kedudukan Akademik

23.1 Pencapaian pelajar dinilai mengikut jenis pengajian

23.1.1 Jenis pengajian secara Kerja Kursus menggunakan CPA.

23.1.2 Jenis pengajian secara mod campuran menggunakan CPA dan gred penyelidikan.

23.1.3 Jenis pengajian penyelidikan menggunakan gred penyelidikan.

23.2 Taraf kedudukan akademik pelajar ditentukan di akhir tiap-tiap semester lazim dengan menggunakan CPA dan gred penyelidikan seperti dalam Jadual III (a) dan Jadual III (b).

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

23.3 Pelajar yang mendapat taraf Kedudukan Bersyarat (KS) sebanyak **dua (2) kali berturut-turut** akan diberikan keputusan Kedudukan Gagal dan diberhentikan dari pengajian.

23.4 Kedudukan Baik Tamat Program (KBTP)

23.4.1 Pelajar yang tidak membuat permohonan penganugerahan dalam tempoh yang ditetapkan akan diberi taraf KBTP selepas pengesahan Senat

23.4.2 Status KBTP selama dua (2) tahun.

23.4.3 Selepas tamat tempoh tersebut pelajar tidak berhak lagi untuk dianugerahkan.

23.4.4 Pelajar yang berhutang dengan Universiti tidak akan digraduankan dan boleh ditahan Sijil dan Transkrip Keputusan Peperiksaannya

24.0 Penganugerahan

24.1 Pelajar hanya layak dianugerahkan Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:

24.1.1 Memperolehi jumlah kredit lulus yang ditetapkan dalam program dan mendapat Kedudukan Baik (KB).

24.1.2 Lulus dalam semua kursus yang disyaratkan dan disertasi/ tesis.

24.1.3 Penerbitan dalam prosiding atau jurnal berindeks SCOPUS atau ISI adalah wajib untuk pelajar secara penyelidikan iaitu sekurang-kurangnya SATU (1) penerbitan untuk pelajar sarjana dan DUA (2) penerbitan untuk pelajar doktor falsafah sepanjang tempoh pengajian. Syarat ini perlu dipenuhi bagi tujuan bergraduasi dan mengemukakan bukti penerimaan penerbitan tersebut (*acceptance letter*).

24.1.4 Mengemukakan permohonan penganugerahan menggunakan borang yang ditetapkan dan permohonan mendapat perakuan Dekan Fakulti serta mendapat kelulusan dan pengesahan oleh Senat.

24.2 Tempoh permohonan untuk penganugerahan bermula pada minggu ke dua (2) hingga ke minggu ke dua belas (12) setiap semester tertakluk kepada jadual kerja yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah. Permohonan yang lewat akan dikenakan denda sebanyak RM50.

24.3 Pelajar yang tidak membuat permohonan penganugerahan dalam tempoh yang ditetapkan akan diberi taraf Kedudukan Baik Tamat Program (KBTP) selepas pengesahan Senat. Status kedudukan KBTP adalah terhad selama dua (2) tahun. Selepas tamat tempoh tersebut pelajar tidak berhak untuk dianugerahkan Ijazah.

24.4 Pelajar yang berhutang dengan Universiti tidak akan dianugerahkan ijazah dan boleh ditahan transkrip keputusan peperiksaannya.

25.0 Penangguhan, Penggantungan dan Pemberhentian Pengajian

25.1 Penangguhan Pengajian

25.1.1 Penangguhan Pengajian Atas Alasan Kesihatan

Pelajar boleh mengemukakan permohonan penangguhan pengajian atas alasan kesihatan dengan menyertakan pengesahan daripada doktor yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Universiti atau Hospital Kerajaan.

Penangguhan pengajian disebabkan oleh sakit tidak diambilkira dalam bilangan semester yang telah digunakan. Bagaimanapun, tempoh penangguhan adalah terhad kepada **dua (2) semester berturut-turut sahaja**.

25.1.2 Penangguhan Pengajian atas Alasan Peribadi dan Lain-lain

Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian atas alasan selain daripada sebab kesihatan dengan kebenaran penaja (sekiranya ada). Tempoh penangguhan tersebut akan diambil kira dalam pengiraan bilangan semester yang seterusnya.

Permohonan penangguhan untuk sesuatu semester hendaklah dibuat **selewat-lewatnya pada minggu ketujuh (7) semester** berkenaan. Permohonan selepas minggu tersebut tidak akan diterima. Tempoh penangguhan maksimum yang dibenarkan adalah **separuh daripada tempoh minimum pengajian**.

25.1.3 Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Universiti untuk pelajar.

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

25.1.4 Untuk tujuan penganugerahan, mana-mana tempoh penangguhan tidak akan diambil kira dalam pengiraan tempoh minimum.

25.2 Penggantungan Pengajian

25.2.1 Pelajar boleh digantung pengajian atas sebab-sebab berikut:

- i) Tindakan Tatatertib; atau
- ii) Gagal menjelaskan hutang kepada Universiti

25.2.2 Tempoh penggantungan tersebut tidak akan diambil kira dalam pengiraan bilangan semester yang digunakan.

25.2.3 Pelajar yang digantung pengajian tidak dibenarkan menggunakan sebarang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Universiti untuk pelajar.

25.3 Pemberhentian Pengajian

25.3.1 Berhenti dengan izin.

25.3.1.1 Pelajar boleh memohon untuk berhenti pengajian pada bila-bila masa; dan,

25.3.1.2 Pelajar tidak dibenarkan meninggalkan pengajiannya sehingga permohonan diluluskan oleh Universiti.

25.3.2 Diberhentikan daripada pengajian

25.3.2.1 Universiti boleh memberikan keputusan Kedudukan Gagal (Diberhentikan) sekiranya pelajar memperoleh GPA kurang daripada 3.00.

Pelajar yang berhutang dengan Universiti juga boleh diberhentikan daripada pengajian

25.3.2.2 Pelajar adalah bertanggungjawab ke atas kesan dan implikasi jika berhenti dengan izin dan diberhentikan daripada pengajian. Sebarang bayaran berhubung dengan pengajiannya yang telah dijelaskan di Universiti ini tidak akan dikembalikan.

25.3.3 Walau bagaimanapun pihak Universiti berhak menuntut segala hutang yang masih belum dijelaskan oleh pelajar.

25.3.4 Pelajar juga boleh diberhentikan atau digantung-daripada pengajian untuk satu tempoh tertentu atas sebab melanggar peraturan Universiti.

25.3.5 Sebarang perlakuan plagiarisme, penipuan atau penyelewengan dalam bidang akademik merupakan antara salah laku yang boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah Tatatertib Universiti dan Dasar Pencegahan Plagiarisme untuk Pelajar Pascasiswazah.

26.0 Jadual Pengiraan CPA dan GPA Bagi Mod kerja kursus dan Mod Campuran

26.1 Purata Mata Nilai Gred (GPA) adalah purata mata nilai gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam sesuatu semester. Ianya dikira seperti berikut:

$$\text{Jumlah Mata Nilai (JMN)} = (k_1 \times m_1) + (k_2 \times m_2) + \dots + (k_n \times m_n)$$

$$\text{Jumlah Kredit Kira (JKK)} = k_1 + k_2 + \dots + k_n$$

$$\begin{aligned} \text{GPA} &= \frac{\text{Jumlah Mata Nilai}}{\text{Jumlah Kredit Kira}} \\ &= \frac{k_1 m_1 + k_2 m_2 + \dots + k_n m_n}{k_1 + k_2 + \dots + k_n} \end{aligned}$$

dengan:

k_1, k_2, \dots = Kredit bagi kursus berkenaan

m_1, m_2, \dots = Mata nilai yang diperolehi

n = Bilangan kursus yang diambil dalam semester tersebut

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

Purata Mata Nilai Himpunan (CPA) adalah purata mata nilai gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi semua semester yang telah diikuti. Pengiraan adalah seperti berikut:

$$\text{CPA} = \frac{(\text{JMN})_1 + (\text{JMN})_2 + \dots + (\text{JMN})_n - (\text{JMN Mansuh})}{(\text{JKK})_1 + (\text{JKK})_2 + \dots + (\text{JKK})_n - (\text{JKK Mansuh})}$$

dengan:

$(\text{JMN})_1, (\text{JMN})_2$ = Jumlah mata nilai yang diperolehi dalam sesuatu semester

$(\text{JKK})_1 + (\text{JKK})_2$ = Jumlah kredit kira dalam sesuatu semester

(JMN Mansuh) = Jumlah mata nilai yang dimansuhkan dalam sesuatu semester

(JKK Mansuh) = Jumlah kredit kira yang dimansuhkan dalam sesuatu semester

n = Bilangan kursus yang diambil dalam semester tersebut.

27.0 Peruntukan Am

- 27.1 Universiti berhak mengambil sesuatu tindakan yang wajar jika seseorang pelajar didapati memberi maklumat palsu berkenaan dengan permohonan pelajar.
- 27.2 Tiap-tiap permohonan dan rayuan daripada pelajar yang berkaitan dengan peraturan ini hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah melalui Dekan Fakulti masing-masing dengan sokongan penyelia. Dekan Pusat Pengajian Siswazah akan merujuk permohonan atau rayuan tersebut kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk mendapatkan pandangan atau perakuan yang akan disampaikan kepada/melalui Fakulti masing-masing. Jika perlu, Dekan Pusat Pengajian Siswazah akan merujuk keputusan tersebut kepada Senat untuk mendapatkan kelulusan atau pengesahan sebelum dimaklumkan kepada pelajar.
- 27.3 Sebarang kaedah pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat mengikut mana-mana peruntukan Peraturan ini. Semua kaedah pelaksanaan yang dibuat mestilah dipatuhi.
- 27.4 Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan suai manfaat dengan kehendak Peraturan ini.

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

BAHAGIAN 17 – LAMPIRAN JADUAL

Jadual I: Tempoh Pengajian Bagi Sepenuh Masa Dan Separuh Masa

Jadual I: Tempoh Pengajian Bagi Sepenuh Masa Dan Separuh Masa					
PROGRAM	SEPENUH MASA		SEPARUH MASA		Tempoh Bermastautin
	Minimum (Semester)	Maksimum (Semester)	Minimum (Semester)	Maksimum (Semester)	
Sarjana secara Penyelidikan	2	7	4	11	Mengikut keperluan program masing-masing
Sarjana secara Kerja Kursus	2	7	4	11	
Sarjana secara Mod Campuran	2	7	4	11	
Doktor Falsafah	4	14	6	18	

Nota : Bermastautin bermaksud : sebarang aktiviti yang dilakukan oleh pelajar bersama Universiti seperti seminar / kursus / taklimat / persidangan / perjumpaan bersama Penyelia dan lain-lain.

Jadual II: Markah, Gred, Mata Nilai dan Taraf Pencapaian Kursus

Markah	Gred	Mata Nilai	Taraf Pencapaian
85-100	A+	4.00	Lulus dengan Cemerlang
80-84	A	4.00	Lulus dengan Cemerlang
75-79	A-	3.70	Lulus dengan Cemerlang
70-74	B+	3.30	Lulus dengan baik
65-69	B	3.00	Lulus dengan baik
60-64	B-	2.70	Lulus
55-59	C+	2.30	Gagal
50-54	C	2.00	Gagal
45-49	C-	1.70	Gagal
40-44	D	1.00	Gagal
00-39	E	0	Gagal

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

Jadual III : Kedudukan Akademik

Jadual III (a) : Kedudukan Akademik Bagi Mod Kerja Kursus

Kerja Kursus (CPA)	Keputusan	Kelayakan Meneruskan	Kelayakan Penganugerahan
$CPA \geq 3.00$	Kedudukan Baik (KB)	Layak	Layak
$2.70 \leq CPA < 3.00$	Kedudukan Bersyarat	Bersyarat	Tidak Layak
$CPA < 2.70$	Kedudukan Gagal (KG) -Diberhentikan	Tidak Layak	Tidak Layak

Jadual III (b) : Sistem Pemarkahan Bagi Mod Penyelidikan

Gred Penyelidikan			Keputusan	Kelayakan Meneruskan Pengajian	Kelayakan Penganugerahan
Penilaian Keseluruhan	Deskripsi Markah $0 \leq M \leq 100$	Gred			
Memuaskan (MM)	$85 \leq M \leq 100$	A+	Kedudukan Baik (KB)	Layak	Layak
	$80 \leq M \leq 84$	A			
	$75 \leq M \leq 79$	A-			
	$70 \leq M \leq 74$	B+			
	$65 \leq M \leq 69$	B			
Kurang Memuaskan (KM)	$60 \leq M \leq 64$	B-	Kedudukan Bersyarat (KS)	Bersyarat	Tidak Layak
Tidak Memuaskan (TM)	$55 \leq M \leq 59$	C+	Kedudukan Gagal (KG) - Diberhentikan	Tidak Layak	Tidak Layak
	$50 \leq M \leq 54$	C			
	$45 \leq M \leq 49$	C-			
	$40 \leq M \leq 44$	D			
	$00 \leq M \leq 49$	E			

Jadual IV : Kredit Lulus Minimum

Program Ijazah	Kredit Minimum
Sarjana (kerja kursus)	40*
Sarjana (mod Campuran)	40*
Sarjana (Penyelidikan)	40*
Doktor Falsafah	setara 90

*tertakluk kepada syarat penganugerahan program berkenaan

PERATURAN AKADEMIK PASCASISWAZAH

Jadual V : Senarai Negara English Speaking Countries

1	USA	18	Grenada	35	Montserrat	52	St Helena
2	Anguilla	19	Guam	36	Micronesia	53	Samoa
3	Antigua & Barbuda	20	Guernsey	37	Namibia	54	Saint Kitts & Nevis
4	Australia	21	Guyana	38	Nauru	55	Seychelles
5	Bermuda	22	Hong Kong	39	New Zealand	56	Sierra Leone
6	British Virgin Island	23	India	40	Nigeria	57	Solomon Island
7	Bahamas	24	Ireland	41	Niue	58	South Africa
8	Bangladesh	25	Isle of Man	42	Norfolk Island	59	Sudan
9	Barbados	26	Jersey	43	Papua New Guinea	60	Swaziland
10	Canada	27	Jamaica	44	Pakistan	61	Tanzania
11	Cayman Island	28	Kiribati	45	Puerto Rico	62	Tonga
12	Christmas Island	29	Kenya	46	Palau	63	Trinidad & Tobago
13	Cook Island	30	Liberia	47	Philippines	64	Turks & Caicos Island
14	Falkland Islands	31	Malawi	48	Rwanda	65	Uganda
15	Fiji	32	Malta	49	Singapore	66	United Kingdom
16	Ghana	33	Marshall Islands	50	Saint Lucia	67	US Virgin Islands
17	Gibraltar	34	Mauritius	51	Saint Vincent & The Grenadines	68	Zambia

NOTA RUJUKAN UTM: [http://www/sps/utm.my/sps/prospective-student/78-english-requirement.html\(uk_naric\)](http://www/sps/utm.my/sps/prospective-student/78-english-requirement.html(uk_naric))